

Khairy: Rakyat sokong Melayu PM, Perlembagaan tak perlu dipinda
The Malaysian Insider
30 November , 2011

KUALA LUMPUR, 30 Nov — Khairy Jamaluddin menegaskan Perlembagaan tidak perlu dipinda kerana rakyat Malaysia keseluruhannya menyokong kepimpinan Melayu sebagai perdana menteri manakala Umno pula mampu untuk terus memimpin negara.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno ini berkata, Barisan Nasional (BN) tidak perlu kepada pindaan Perlembagaan kerana "kita menaruh penuh keyakinan pada sistem muhibah sedia ada serta semangat muafakat di kalangan ahli komponen BN."

"Kita percaya Umno mampu menawarkan kepimpinan kepada seluruh rakyat Malaysia. Kita yakin tanpa peruntukan dalam Perlembagaan pun, rakyat Malaysia keseluruhannya tetap menyokong kepimpinan Melayu yang adil kepada semua.

"Ini jati diri kita dalam Umno yang bangga dengan kemampuan bangsa sendiri untuk terus memimpin negara," kata beliau dalam ucapan dasar pada Persidangan Agung Tahunan Pemuda Umno di sini hari ini.

Katanya, tanpa jati diri utuh, PKR berpeluh dan terhegeh-hegeh minta Umno pula pinda Perlembagaan kerana tidak mampu mengatasi kuasa DAP merampas takhta kerajaan sekiranya nauzubillah mereka menang.

"Tindakan ini menampakkan rasa saling curiga sesama pembangkang sehingga membuatkan PKR terpaksa meminta Umno untuk membuat sesuatu yang boleh menyelamatkan mereka," kata beliau yang merujuk kepada ucapan Ketua Angkatan Muda Keadilan Shamsul Iskandar Mohd Akin minggu lalu.

Cadangan itu tidak dipersetujui oleh Ketua Umum Pakatan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng pula menegaskan perkara itu tidak perlu.

Sehubungan itu kata Khairy (gambar), barangkali PKR sudah mula sedar bahawa sokongan Melayu terhadap mereka semakin pudar dan orang Melayu sudah sedar bahawa PKR tidak mampu memperjuangkan nasib dan masa depan bangsa kita.

"Lantas semasa Kongres PKR yang berlangsung baru-baru ini, mereka tampak begitu kemaruk kuasa dan terdesak sehingga menuntut kita meminda perlembagaan persekutuan agar menjamin hanya orang Melayu yang boleh menjadi Perdana Menteri," katanya lagi.

Khairy mengagriskan ia sebagai salah satu daripada enam jahanam yang dihadapi dalam senario politik semasa.

Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau berkata Umno adalah parti yang memperjuangkan agama, bangsa dan negara.

"Malangnya ini bukan fokus Pakatan Rakyat. Yang mereka tahu, gadaikan kepentingan bangsa, cabar kesucian agama, asalkan kepentingan politik mereka terjaga.

"Kita perhatikan PAS. Setiap kali cuba menyentuh isu agama, mereka akan dilibas pantas oleh DAP. PAS hanya mampu membisu. Takut berputus kasih dengan DAP yang memilih bulu! Bila DAP mengamuk, PAS menyorok," katanya lagi.

Beliau seterusnya memberitahu lebih malang, demi kuasa pembangkang ligat menanam benih prejudis yang menghalang orang Melayu untuk bercakap dan memperjuangkan kepentingan bangsa secara terbuka.

"Jati diri Melayu mereka hakis. Kecintaan kepada bangsa mereka kikis. Sehingga mewujudkan persekitaran yang menyebabkan segelintir berasa janggal untuk menzahirkan semangat dan jati diri mereka sebagai anak Melayu.

"PAS dan PKR masih sanggup bersekongkol dan hanya mendinginkan diri melihat orang Melayu di Pulau Pinang diasak dan dipijak-pijak oleh DAP," katanya lagi.

Hari ini menurut beliau, menjadi orang Melayu di Pulau Pinang, tak ubah seperti merempat di bumi sendiri.

"Bukan sekadar jati diri Melayu hancur, warna kulit kita pun dah dipersenda. Mana mungkin DAP bukan parti rasis setelah menghina warna kulit YAB Menteri Besar Perak.

"Mana mungkin saya tak terasa, warna kulit saya pun serupa. Malah, selama ribuan tahun di seluruh dunia, warna kulit telah menjadi simbol penindasan, dan dengan sewenang-wenangnya mereka lontarkan kenyataan rasis sebegitu," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khairy-rakyat-sokong-melayu-pm-perlembagaan-tak-perlu-dipinda/>